

POLITIK BELIA DAN PILIHAN RAYA UMUM KE-14 DI MALAYSIA

(Youth Politics and 14th General Election in Malaysia)

Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar

ABSTRAK

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 adalah salah satu pilihan raya yang telah mencatatkan sejarah tersendiri apabila berjaya menewaskan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah selama 61 tahun. Hal ini buat pertama kalinya, parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan iaitu hasil gabungan parti BERSATU, DAP, PKR dan AMANAH berjaya membentuk kerajaan sejak 13 PRU yang lalu. Justeru, adalah menjadi objektif penulisan artikel ini untuk menganalisis tentang politik belia dan Pilihan Raya Umum 2018 yang telah berlangsung pada 9 Mei 2018. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada 96,684 orang responden belia di seluruh Malaysia, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa golongan belia semakin berani berubah jika kemahuan dan aspirasi mereka tidak ditunaikan oleh pemimpin. Disebabkan generasi belia ini pemilik masa depan negara, maka merekalah pemegang taruhan yang terbesar pada masa hadapan. Golongan belia merupakan golongan yang paling ramai menjadi pengundi atas pagar dan sekali gus bertindak sebagai penentu kemenangan kepada sesebuah parti politik di Malaysia. Implikasi daripada penulisan artikel ini adalah semua pihak terutamanya pihak berkuasa perlu mendengar dan mengambil kira pandangan dan kemahuan belia kerana belia adalah pelapis negara. Artikel ini juga akan menambahkan maklumat berkaitan belia untuk dimanfaatkan oleh semua pihak.

Kata kunci: Pilihan raya umum, belia, kerajaan, parti politik, masa depan

ABSTRACT

The 14th General Election is one of the few elections that has made its own history by defeating the 61-year-old Barisan Nasional Government. This is the first time, the opposition party (Pakatan Harapan), a coalition of the BERSATU, DAP, PKR and AMANAH, has succeeded in forming a government since the last 13 general elections. Therefore, it is the objective of writing this article for analyze youth politics and the 2018 General Elections which took place on May 9, 2018. Based on the questionnaire form distributed to 96,684 youth respondents throughout Malaysia, the findings of this study show that youths are more likely to change if their desires and aspirations are not met by their leader. Because this generation of youths are the future owners of the country, they are the biggest stake holders in the future. Youth constitute the majority of voters on the fence and thus act as the determinants of victory for a political party in Malaysia. The implication of this article is that all parties, especially the authorities, need to listen and take into account the views and aspirations of the youths as youths are the backbone of the nation. This article will also add youth related information for the benefit of all.

Keywords: General election, youth, government, political party, future

PENGENALAN

Belia merupakan golongan belia yang semakin mendapat perhatian pada ketika ini. Jika dahulu golongan ini sering disisihkan namun kini tidak lagi apabila situasi politik di Malaysia berubah selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) berakhir. Hal ini juga dapat dilihat bahawa generasi belia di Malaysia kini telah mengambil serius hal ehwal politik Malaysia malahan bertindak dengan berani untuk mengubah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional yang memerintah selama 60 tahun kepada sebuah kerajaan baru yang dikenali sebagai Kerajaan Pakatan Harapan (PH). Perubahan ini bukan sahaja memberi impak kepada negara malahan telah membuka mata semua pihak bahawa golongan ini juga wajar diberi perhatian yang serius memandangkan mereka merupakan generasi pelapis dalam mentadbir negara. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk melihat aspek belia dalam mempengaruhi keputusan PRU ke-14.

KAJIAN LEPAS

Definisi belia ini sering kali berubah mengikut terma bagi sesebuah negara dan juga situasi semasa. Hal ini menyebabkan terma dan definisi belia adalah tidak tetap dan fleksibel. Menurut Hussain (1997) telah menyatakan bahawa belia bagi negara Amerika Syarikat adalah merupakan seorang individu berumur 15 hingga 24 tahun. Namun begitu, bagi sesetengah negeri dalam Amerika Syarikat ada yang meletakkan had usia belia sehingga umur 30 tahun. Hal ini disebabkan ianya berkait rapat dengan hal ehwal perundangan, sosial, fisiologi dan ekonomi. Oleh itu, pentaksiran mengenai belia ini agak terbatas kerana konsep belia ini adalah sesuatu yang sangat kompleks.

Bagi pendapat Azizan (1995) beliau menyatakan definisi golongan belia adalah meluas namun kebanyakan negara lebih banyak menggunakan definisi belia adalah seorang individu yang berusia dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun seperti Malaysia yang menggunakan determa ini. Walau bagaimanapun, pengelasan umur belia ini juga adalah berbeza-beza dalam negara Komanwel yang lain. Contohnya, Hong Kong yang mengelaskan usia belia adalah individu berusia 10 tahun hingga 24 tahun walaupun ia dilihat sangat tidak sesuai memandangkan pada usia 10 tahun masih dalam kategori kanak-kanak. Disebabkan itu juga terma bagi golongan belia ini tidak terhad.

Kajian mengenai penglibatan golongan belia dalam politik ini sudah banyak dikaji oleh sarjana-sarjana Barat terutamanya penglibatan golongan belia di negara-negara maju. Menurut kajian oleh Fahmy (2006) dan Phelps (2005) mengenai tingkah laku pengundian belia di Britain pada pilihan raya umum tahun 2001 dan mendapati bahawa golongan itu menganggap keluar mengundi dan merupakan satu aktiviti yang banyak membuang masa dan ianya tidak mendatangkan faedah. Oleh itu mereka tidak turun mengundi kerana prinsip dan ideologi yang dipegang oleh parti politik tertentu tidak bertepatan dengan kehendak mereka.

Disebabkan golongan belia Britain ini bertindak untuk tidak turun mengundi setiap kali pilihan raya, keadaan ini dilihat sangat meruncing bagi landskap politik di Britain. Namun begitu, peningkatan golongan mengundi dalam kalangan golongan belia semakin bertambah apabila

sebanyak 68 peratus daripada mereka yang berusia 16-24 tahun telah membuang undi dalam Referendum Kemerdekaan Scotland (Henn & Hart, 2017). Hal ini disebabkan golongan belia di Britain sudah ada kesedaran untuk mengundi memandangkan parti-parti politik di Britain banyak yang mengambil peduli mengenai golongan itu dan mereka juga mahukan undi dari belia untuk demi kelangsungan politik mereka juga.

Hasil kajian Norris (2017) juga menunjukkan bahawa golongan belia Britain mula cenderung terlibat dalam politik kerana parti politik negara itu telah bijak mengambil hati mereka. Sebagai contoh semasa pilihan raya umum 2017 di Britain, James Corbyn iaitu pemimpin bagi Parti Buruh telah berjaya meraih undi dari golongan belia kerana keberkesanan manifesto yang dipersempit khas untuk golongan belia seperti pengurangan yuran pengajian di universiti, pertambahan peluang pekerjaan dan pertambahan bantuan kewangan pelajar. Hal ini menyebabkan Parti Buruh berjaya memenangi pilihan raya pada tahun itu sekali gus mengalahkan Parti Konservatif (Norris 2017; Sloam, Raqib & Henn 2018).

Keadaan ini menunjukkan bahawa pemilihan golongan belia terhadap sesebuah parti politik itu bergantung kepada manifesto yang dibawa dan juga pemimpin parti tersebut. Oscarsson & Rosema (2019) sendiri juga menyatakan bahawa pemilihan atau pembuangan undi dalam memilih parti politik ini bergantung kepada penawaran yang mampu diberikan kepada pengundi. Jika parti politik mampu mempersembahkan manifesto yang menarik serta boleh memahami kehendak golongan sasaran, maka sesebuah parti politik itu mampu memperoleh kemenangan yang besar kerana pengundi akan lebih tertarik dengan manifesto yang ditawarkan oleh sesebuah parti politik. Seandainya calon yang diletakkan itu adalah seorang yang berkharisma, ini sudah pasti akan memberi kelebihan dari segi reputasi parti politik yang diwakili oleh calon tersebut.

Selain itu, Manning & Truzzi (1972); Martin (2011) juga turut mengkaji mengenai partisipasi politik belia di Australia yang mana beliau melihat golongan belia lebih banyak terlibat dalam politik. Sebagai contoh, beliau telah melihat golongan muda ini lebih banyak terlibat dalam demonstrasi jika dibandingkan dengan orang dewasa sama ada demonstrasi itu berkaitan dengan ekonomi atau kebajikan. Tambahan pula, Australia sendiri mengenakan hukuman mandatori kepada individu yang tidak membuang undi menyebabkan golongan belia di Australia lebih aktif mengambil bahagian dalam politik, hal ehwal negara dan ini sedikit sebanyak membuatkan belia negara itu lebih mengambil berat mengenai kehendak mereka agar suara mereka tidak disisihkan.

Bagi Ribicoff dan Newman (1973), yang mengkaji tentang pola pengundian dalam kalangan golongan dewasa dan golongan belia di Amerika telah mendapati jumlah yang keluar mengundi adalah lebih banyak dalam kalangan lelaki yang mana iainya 10 peratus lebih tinggi dari golongan wanita. Dari segi umur pula, pengundi yang berusia 35 tahun ke atas lebih banyak keluar mengundi berbanding dengan pengundi yang berusia 35 tahun ke bawah. Jumlah pengundi yang memiliki latar belakang pendidikan tinggi lebih ramai keluar mengundi berbanding dengan golongan memiliki pendidikan yang rendah. Hal ini sama juga seperti kajian yang pernah dijalankan oleh Rizal (2002) yang mana jumlah pengundian golongan belia di Parlimen Arau sedikit merosot pada pilihan raya tahun 1999. Golongan belia Melayu didapati agak kurang keluar mengundi jika dibandingkan dengan belia Cina atau India. Selain daripada tidak mendaftar sebagai pemilih, ianya juga disebabkan kurangnya kesedaran dalam diri mereka terhadap hal ehwal politik. Faktor latar belakang pendidikan juga memainkan peranan apabila pengundi yang memiliki pendidikan tinggi lebih cenderung untuk mengundi kepada PAS manakala golongan yang berpendidikan rendah pula lebih selesa menyokong BN.

Perubahan landskap politik di Turki juga turut berlaku kerana adanya golongan belia ini yang menjadi pemangkin. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Haziman (2017) telah menyatakan bahawa kemenangan Parti Refah adalah kerana sokongan golongan belia ini. Sebab yang paling utama golongan belia memberi sokongan penuh kepada parti ini adalah kerana kempen 'kebijaksanaan sosial' yang dilihat menjanjikan kehidupan baru kepada golongan belia yang pada ketika itu sudah muak dengan sekatan politik terdahulu sehingga peluang pekerjaan juga sangat terbatas.

Apabila melihat keadaan di Malaysia, kajian politik mengenai golongan belia dilihat sedikit ketinggalan jika dibandingkan dengan kajian-kajian yang pernah dilakukan di negara-negara jiran rantau Asia Tenggara. Hal ini kerana di Malaysia kajiannya bermula sedikit lewat iaitu sekitar tahun 2008 yang mana kebangkitan golongan muda pada ketika itu sudah dapat dilihat pada PRU-12 (Marshelayanti et al. 2013). Menurut beliau kajian peringkat awal di Malaysia ini lebih kepada meneliti peratusan keluar mengundi, parti yang akan diundi dan isu-isu yang timbul semasa pilihan raya. Zubaidah (2009) juga telah menyatakan bahawa semuanya bermula pada PRU-12 di Parlimen Permatang Pauh yang mana 90 peratus pengundi yang berusia 30 tahun kebawah banyak memilih calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim yang juga ketua pembangkang.

Menurut Ong (2013), antara penolakan anak muda terhadap Barisan Nasional (BN) di negeri-negeri yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat (PR) pada ketika itu kerana kempen BN yang hanya menonjolkan kerajaan pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan BN. Bagi anak muda, kejayaan pembangunan BN tidak begitu relevan lagi kerana mereka tahu itu adalah tanggungjawab kerajaan untuk mengurus negara. Bagi anak muda, mereka lebih cenderung untuk menilai aspek integriti, moral, hak asasi, dan sikap demokratik kerajaan dalam mengurus aspirasi rakyat. Jadi, mereka menolak mana-mana pemimpin yang terlibat dalam rasuah, penyelewengan, politik wang dan salah guna kuasa. Oleh itu, penilaian asas golongan muda semakin kritis mengenai perkara yang berkait rapat dengan integriti dan disebabkan itu penolakan BN berlaku.

Perkara ini juga sudah lama dibincang oleh Norhafizah (2012) yang mana beliau melihat pengundian golongan belia pada PRU 2008. Analisis kajian beliau mendapati golongan belia akan mengundi calon berdasarkan profil, imej dan karekter peribadi. Latar pendidikan dan misi dan visi calon dalam hala tuju bagi parti yang diwakili oleh mereka. Namun, kecenderungan pengundi muda memilih calon yang bersih dari sebarang rasuah, kronisme, skandal dan nepotisme tetap menjadi keutamaan. Hal ini bermakna, ciri-ciri sebegini yang ada pada calon dan parti itu akan mampu membawa kemenangan.

Kejayaan sesebuah parti dalam pilihan raya yang mendapat dokongan golongan belia masa kini banyak ditentukan atas dasar yang bakal dibentuk seperti dinyatakan dalam manifesto, nilai yang ingin dibawa dalam pemerintahan oleh sesebuah parti dan calon yang berkaliber diketengahkan dalam kajian Mohd Nizar et al. (2017). Tidak hairanlah jika Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Pakatan Harapan (PH) berusaha mengetengahkan calon baru dan muda untuk menarik sokongan golongan belia pada PRU-14. Hal yang demikian kerana golongan belia kini lebih banyak mengetahui ragam dunia politik di hujung jari memandangkan mereka merupakan generasi teknologi maklumat yang menggunakan medium media sosial untuk mendapatkan berita-berita terkini dan seterusnya mengikuti lebih rapat hal ehwal politik Malaysia. Hal ini juga pernah dikaji oleh Ibrahim (2012) yang mana golongan belia kebanyakannya memiliki telefon pintar yang canggih jika dibandingkan dengan generasi tua.

Apabila berbicara mengenai golongan belia dan media, Vromen (2007) sendiri telah mengkaji perkaitan anantara penggunaan internet dan penyertaan politik golongan belia di Australia. Beliau berpendapat bahawa golongan belia yang berpendidikan tinggi lebih cenderung menggunakan internet dalam berkempen untuk parti politik yang diwakili oleh mereka. Contohnya seperti kempen politik Parti Demokrat semasa pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada tahun 2008 yang mana kem Obama meraih jumlah sokongan yang tertinggi. Hal ini juga termasuklah jumlah sumbangan yang diperoleh pada ketika itu yang mencecah USD\$500 juta. Jumlah sumbangan ini juga turut meningkat pada pilihan raya presiden pada tahun 2012 iaitu sebanyak USD\$690 juta yang hasil sumbangan orang ramai menerusi pembayaran dalam talian. Kem Obama sekali lagi meraih jumlah sokongan yang tertinggi menerusi laman Facebook, Twitter dan video di Youtube pada ketika itu sekali gus membolehkan beliau menerima gelaran presiden paling popular dalam alam maya (Yang & DeHart, 2016).

Menurut pendapat Firdaus dan Arba'iyah (2019), kemenangan PH pada peringkat persekutuan dan negeri disebabkan BN tidak lagi berjaya mempengaruhi pendapat awam dan seterusnya meyakinkan pengundi untuk menyokong isu yang diperjuangkan oleh mereka pada PRU-14. Sebaliknya rakyat Malaysia menginginkan perubahan dalam struktur pentadbiran negara dan mereka melihat BN tidak lagi mampu menyelesaikan isu dan masalah awam dengan baik melalui pengalaman yang diberikan selama 60 tahun sebelum ini. PH dilihat bernasib baik berbanding PAS kerana diberi kepercayaan oleh penduduk Malaysia menerajui pemerintahan negara walaupun sokongan terhadap PAS dilihat bertambah ekoran penambahan jumlah kerusi parlimen menjadi 155 kerusi parlimen yang dipertandingkan PAS pada PRU-14 kali ini. Kemenangan PH pada PRU-14 disebabkan penduduk di negara ini secara keseluruhan tertarik dengan tawaran dan janji PH pada PRU-14 yang menawarkan untuk meningkatkan taraf hidup dan kehidupan yang lebih baik dari pemerintahan sebelum ini. Misalnya cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang telah dijanjikan oleh PH akan dihapuskan jika mereka memenangi PRU-14 dan telah dilaksanakan

Namun begitu, laporan dari Azmil (2018) menerusi Astro Awani, pola pengundian golongan belia dalam PRU-14 sememangnya sukar dijangka kerana mereka tidak terikat dengan sentimen politik yang melampau. Hal ini kerana golongan ini lebih banyak menumpukan tentang isu-isu semasa dari segi kos sara hidup, perumahan dan peluang pekerjaan yang perlu penyelesaiannya. Tambahan pula golongan belia generasi baru ini semakin matang dan lantang bersuara mengenai isu yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, isu atau sentimen politik perkauman ini sukar untuk mempengaruhi mereka memandangkan ideologi ini sudah lapuk dan mereka lebih suka memfokuskan tentang masalah kehidupan seharian dan disebabkan itu mereka akan lebih cenderung memilih pemimpin yang boleh membela nasib mereka untuk lima tahun akan datang.


METODOLOGI KAJIAN DAN KAWASAN KAJIAN

Metod ialah pemikiran kepada tatacara penyelidikan yang merangkumi segala hipotesis dan sistem nilai yang menjadi penyebab yang utama bagi kajian yang dijalankan akan mentafsir data dan membuat kesimpulan terhadap kajian yang dijalankan. Metod kajian yang sistematik dan berkesan akan melancarkan tatacara penyelidikan di samping memastikan penyelidikan yang dibuat adalah selaras dengan tujuannya. Metod kajian yang efektif memastikan data yang berkenaan sahaja

dikumpulkan dan dimasukkan kedalam analisis penyelidikan supaya dapat menghasilkan keputusan yang lebih diyakini. Bagi metod yang digunakan dalam memantapkan kajian ini adalah kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif ini lebih melibatkan data yang berangka dan boleh digunakan untuk membuktikan dan menyanggah sesuatu hipotesis. Oleh itu data yang diperolehi dalam kajian ini menggunakan metod soal selidik merupakan metod utama yang telah digunakan dalam kajian lapangan. Selain itu, kajian sekunder juga turut digunakan sebagai rujukan bagi mengukuhkan kajian ini.

Dalam kajian ini, penentuan sampel daripada keseluruhan jumlah pengundi di Malaysia telah ditentukan berpandukan kepada 14 buah negeri iaitu 98 kawasan Parlimen terpilih di seluruh Malaysia mengikut wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia (Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka), Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Utara Semenanjung Malaysia (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang), Selatan Semenanjung Malaysia (Johor) dan juga Malaysia Timur/Kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak) (Lihat Rajah 1). Maka, jenis persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bukan kebarangkalian (non-probability) secara sistematik. Seramai 96,684 orang responden yang terpilih bagi kajian yang telah dilakukan di seluruh Malaysia. Bagi sumber sekunder yang digunakan adalah terdiri daripada bahan-bahan bercetak dan elektronik seperti buku-buku rujukan akademik, laporan pilihan raya umum, artikel jurnal, kertas kerja persidangan atas talian dan rujukan dari blog yang berkaitan turut digunakan. Seterusnya, data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dan ditunjukkan dalam bentuk jadual serta penulisan hasil kajian ini dikukuhkan dengan sumber sekunder yang berkaitan. Data daripada borang soal selidik dan bahan daripada sumber sekunder digarap bersekali mengikut lunas akademik seterusnya menghasilkan penulisan analisis politik belia yang berkesan.

Rajah 1: Lokasi 98Parlimen kawasan kajian



Sumber: Diubahsui daripada SPR (2018)

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Keinginan Aspirasi Belia Ditunaikan

Dalam hasil kajian ini aspirasi belia dilihat merupakan aspek yang paling utama yang perlu ditunaikan oleh pemimpin yang memerintah. Sebaliknya ketika era pemerintahan BN selama 60 tahun, aspirasi belia hanya dipandang sebelah mata saja. Namun begitu hasil kajian soal selidik yang diperoleh ini menunjukkan bahawa sebanyak 52.8 peratus responden menyatakan setuju yang pihak kerajaan sebelum ini seharusnya mengambil peduli tentang aspirasi belia dan tidak melupakannya (Lihat Rajah 2). Hal ini kerana idea dan aspirasi generasi belia ini lebih sesuai dengan keadaan semasa manakala pandangan dari generasi lama dilihat sudah tidak sesuai dengan situasi semasa yang semakin moden.

Walau bagaimanapun, sebelum tumbanganya Kerajaan BN, Transformasi Nasional 50 (TN50) telah Berjaya ditubuhkan pada 21 Januari 2017 dan dilancarkan oleh Perdana Menteri ketika itu iaitu Dato Seri Najib Tun Abdul Razak. TN50 ini merupakan inisiatif pembangunan

negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. TN50 ini bakal menggarap visi anak muda Malaysia untuk tiga dekad dengan memberi tumpuan dan mendengar luahan dari kelompok generasi muda melalui TN50. Komponen utama untuk generasi belia adalah pembangunan, kompetensi kepimpinan, gaya kepimpinan dan tingkah laku.

Rajah 2: Kerajaan perlu memahami dan menunaikan aspirasi belia



Sumber: Kajian Lapangan (2017)

Hasil kajian Nizar et al. (2017), fokus dan objektif TN50 terarah kepada sasaran untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Oleh itu, sokongan padu dari generasi muda ke atas usaha kerajaan menggunakan pendekatan *bottom up* sebagai satu pendekatan inklusif. Pendekatan secara langsung amat berguna bagi tujuan input dalam memahami isu-isu generasi muda dan diharap segala input akan membantu memahami isu dari pelbagai disiplin. TN50 merupakan satu visi masa hadapan yang bakal memberi nilai signifikan penting bagi belia dalam menjadi golongan minda kelas pertama yang seimbang dan cemerlang dalam pelbagai aspek antaranya sahsiah dan kepimpinan. Inisiatif TN50 membuktikan Kerajaan BN mempunyai visi jangka panjang dalam memastikan negara boleh bersaing pada zaman yang dijangka lebih mencabar dan kompetitif.

Namun begitu bagi golongan belia, pelaksanaan TN50 ini tidak kena pada masanya kerana seolah-olah menyingkirkan Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir (TDM). Tambah pula, pada ketika itu, 'permusuhan politik' antara Dato Seri Najib dan TDM sangat nyata sehingga wujud penyokong bagi kedua belah pihak lantas menyebabkan terpecahnya penyokong Melayu kepada tiga iaitu penyokong BN, PAS dan Tun Dr Mahathir. Oleh itu, walaupun segala perancang untuk TN50 dilihat dapat memenuhi aspirasi belia untuk tempoh 50 tahun akan datang, tetapi pelaksanaan yang dilakukan itu seperti tergesa-gesa menimbulkan tanggapan ramai dalam usaha menyingkirkan legasi TDM semakin kuat. Skandal 1MDB, politik BN yang masih kuno dan


usaha pemimpin BN menyingkirkan bekas perdana menteri keempat itu membuatkan golongan belia menolak total TN50 dan mereka lebih tertarik kepada manifesto PH yang dilihat lebih dekat dengan aspirasi anak muda.

Media Sosial dan Online

Apabila disentuh mengenai media sosial dan online ini ianya sudah pasti berkait dengan golongan belia memandangkan mereka merupakan golongan yang paling banyak menggunakan teknologi moden ini. Penggunaan media sosial ini secara tidak langsung boleh memberi kesan terhadap golongan belia terutamanya terhadap isu-isu semasa dan juga hal ehwal politik. Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, sebanyak 51.6 peratus golongan belia menyatakan setuju bahawa media sosial dan online ini mampu memberi kesan pemahaman mereka terhadap tindak tanduk ahli politik dan juga hal ehwal politik tempatan (Lihat Rajah 3).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Gan & Sulastry (2015) mengenai hubungan demokrasi ruang media baru dan partisipasi politik secara dalam talian (*online*) dan luar talian (*offline*) dalam kalangan belia bandar. Partisipasi politik secara *online* lebih banyak mendapat sambutan belia kerana mempunyai keupayaan dalam menyuarakan pendapat politik jika dibandingkan dengan partisipasi secara *offline* seperti menghadiri perhimpunan politik yang lebih banyak dihadiri oleh golongan berusia. Hal ini menunjukkan bahawa media sosial ini disokong sebagai platform demokrasi maklumat. Kebanyakan parti politik dari pihak kerajaan dan pembangkang perlu menguasai media sosial jika mereka mahu undian dari anak muda ini.

Rajah 3: Media sosial/online sangat mempengaruhi pemikiran belia




Sumber: Kajian Lapangan (2017)

Sokongan Belia terhadap Kerajaan

Hasil kajian golongan belia dalam menyokong kerajaan terdahulu menunjukkan sebanyak 39.6 peratus. Namun begitu berdasarkan Rajah 4 menunjukkan jumlah yang menyatakan tidak bersetuju juga hampir sama banyak dengan jumlah yang menyatakan setuju iaitu sebanyak 30.3 peratus. Hal ini menunjukkan peratusan golongan belia terhadap kerajaan BN pada ketika itu tidaknya banyak memandangkan terdapat sebahagian golongan belia memilih mereka tidak menyokong lagi kerajaan BN.

Rajah 4: Majoriti belia masih menyokong Kerajaan



Sumber: Kajian Lapangan (2017)

Perkara ini terjadi kerana pada ketika itu terlalu banyak skandal rasuah dalam kalangan pemimpin BN dan kontroversi 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) telah menyebabkan golongan belia beralih arah memberi sokongan kepada pihak pembangkang. Semasa dalam kepimpinan bekas perdana menteri itu, isu 1MDB lebih banyak disembunyikan pelbagai pihak sehingga menimbulkan kemarahan orang ramai. Hal yang demikian kerana, isu ini lebih banyak disampaikan oleh pemberita luar Malaysia dan rakyat Malaysia sendiri seolah-olah tidak mengetahui isu ini terlampau besar sehingga disiasat oleh banyak negara (Case, 2017; Hutchinson, 2018). Seperti yang kita maklum, golongan belia merupakan golongan paling kerap menggunakan internet dalam mengakses maklumat. Disebabkan sikap ingin tahu ini telah menyebabkan mereka marah apabila mengetahui perkara yang sebenar dan seterusnya menunjukkan protes dalam pengundian apabila mereka memilih pihak pembangkang.


Isu yang lain yang menjadi perhatian adalah pelaksanaan cukai GST yang diperkenalkan semasa era pemerintahan DSN pada 1 April 2015. Cukai ini dikenakan sebanyak enam peratus

kepada semua jenis barangan kecuali barangan asas saja. Pelaksanaan GST yang menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) amat meresahkan semua pihak kerana pelaksanaan ini telah menyebabkan harga barangan keperluan naik mendadak. Walaupun GST dikatakan membawa kebaikan namun, cara pelaksanaannya yang bermula dengan enam peratus dianggap terlalu tinggi. Malahan golongan belia beranggapan, GST amat membebankan golongan bawahan dan juga golongan pelajar kerana sebahagian besar golongan belia di Malaysia berada dalam kelompok tersebut.

Peluang kepada Belia untuk Memimpin Negara

Seterusnya adalah berkaitan dengan peluang kepada belia untuk memimpin negara yang mana majoritinya sebanyak 53.9 peratus memilih bersetuju (Lihat Rajah 5). Hal ini kerana rata-rata pemimpin muda yang berada di barisan kabinet dilihat tidak ramai dan keadaan ini membuatkan golongan belia menganggap pihak Kerajaan BN masih menganggap mereka masih tidak matang dan tidak berminat dalam politik. Situasi sebegini membuatkan mereka lebih berani bertindak mengubah landskap politik negara pada PRU-14.

Rajah 5: Belia perlu diberi peluang untuk memimpin negara



Sumber: Kajian Lapangan (2017)


Dalam kajian Nizar et al. (2017), beliau berpendapat bahawa golongan belia wajar diberi peluang oleh pihak pembangkang mahupun pihak kerajaan bagi membuktikan keupayaan mereka sebagai pemimpin memandangkan calon-calon muda ini lebih mengetahui selok belok dalam berkempen menggunakan metod yang baru dan juga mampu menarik minat golongan belia yang lain dalam memberi undi. Tambah beliau lagi, interaksi calon-calon yang masih muda ini amat

berkesan terhadap pengundi belia memandangkan masing-masing memahami aspirasi belia dan mempunyai idea yang baru. Oleh itu, tidak hairanlah jika pengundi belia lebih cenderung memilih calon muda berbanding dengan calon yang berusia. Antara pemimpin muda yang dikenali ramai adalah Khairy Jamaluddin (UMNO-BN) yang pernah menyandang jawatan Menteri Belia dan Sukan semasa pemerintahan Kerajaan BN dan beliau pada ketika itu berusia 37 tahun. Semasa pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan (PH), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (PPBM-PH) telah menyandang jawatan Menteri Belia dan Sukan iaitu ketika berusia 26 tahun dan beliau memegang rekod menteri yang termuda dilantik di Malaysia dan menyertai barisan kabinet Tun Dr. Mahathir. Ahli Parlimen Batu iaitu P. Prabakaran (PKR-PH) telah dipilih oleh pengundi di kawasan itu sebagai anggota parlimen termuda di Malaysia iaitu pada usia 22 tahun. Oleh itu, Syed Saddiq dan P. Prabakaran adalah dua orang individu yang telah berjaya membenamkan rekod yang pernah dipegang oleh Dato Seri Najib sebagai menteri yang paling muda yang menyertai ahli kabinet dan anggota parlimen termuda.

Golongan Belia perlu diberi Peluang Bersuara untuk Pembangunan Negara

Berikutnya adalah mengenai kewajaran golongan belia diberi peluang untuk bersuara dalam hal ehwal pembangunan negara. Hasil kajian ini menunjukkan sebanyak 55.7 peratus responden memilih setuju memandangkan semasa pemerintahan BN sangat sukar kita mendengar pendapat-pendapat golongan belia (Lihat Rajah 6). Namun apabila berlakunya perubahan kerajaan, pemimpin-pemimpin Kerajaan PH dilihat cuba untuk memnuhi aspirasi ini seperti menurunkan had umur kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun dan juga melantik pemimpin yang masih muda seperti Syed Saddiq.

Rajah 6: Golongan belia perlu diberi peluang bersuara/pandangan untuk pembangunan negara



Sumber: Kajian Lapangan (2017)

Disebabkan itu, Kerajaan PH pernah menyuarakan hasrat untuk membuat pindaan menurunkan umur pengundian dari umur 21 tahun kepada 18 tahun. Semuanya kerana inginkan golongan belia terlibat aktif dalam memberi pandangan. Namun begitu, cadangan ini lebih banyak mendapat bantahan daripada pemimpin-pemimpin senior dari ketiga-tiga parti politik kerana ramai yang beranggapan bahawa pada usia 18 tahun masih belum matang dalam menentukan keputusan dan terlibat dalam politik. Namun akhirnya pada 16 Julai 2019, pindaan terhadap Rang Undang-Undang Perlembagaan untuk menurunkan had umur mengundi dari umur 21 tahun kepada 18 tahun telah mendapat sokongan tanpa bantahan oleh kesemua 211 orang anggota parlimen yang telah hadir. Penurunan had umur ini membolehkan pendaftaran secara automatik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dilakukan sebaik saja seorang individu mencapai usia 18 tahun (Luqman, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa golongan belia wajar diberi peluang dalam proses demokrasi dalam negara. Malahan Tun Dr. Mahathir sendiri turut mengakui bahawa golongan belia bukanlah lagi dianggap sebagai membebankan tetapi satu amanah yang besar untuk memajukan negara.


Dalam kajian Fuad dan Junaidi (2012), golongan belia berharap agar pandangan politik serta isi hati mereka didengar dan difahami serta diteliti pihak kerajaan seterusnya dapat dijadikan panduan dalam pembuatan keputusan/dasar negara. Hal ini juga telah terbukti bahawa golongan belia sememangnya mahu pendapat mereka didengari walaupun mungkin pemimpin senior berpandangan klise. Sekurang-kurangnya, apabila pendapat mereka diberi perhatian oleh pihak berwajib golongan belia merasakan mereka dihargai. Kemungkinan juga, jurang golongan belia yang berada di atas pagar ini berkurangan dan belia mampu berfikir dengan realistik tentang isu-isu semasa yang dapat ditangani oleh kerajaan.

Kerajaan Perlu Memperbanyakkan Aktiviti/Program/Kemahiran Belia

Bagi aktiviti/program/kemahiran belia ini, sebanyak 51.9 peratus responden memilih setuju seandainya pihak Kerajaan BN menyediakan lebih banyak lagi semasa pemerintahan mereka (Lihat Rajah 7). Namun begitu, disebabkan suara golongan belia dipinggirkan maka aktiviti untuk mereka tidaklah banyak dan ini juga berkait dengan aspirasi belia yang tidak didengari dari pihak atasan. Disebabkan belia digelar sebagai golongan yang sering membangkang, maka mereka menggunakan sikap keras kepala itu dalam melakukan perubahan dengan menunjukkan undi protes.

Pada mereka parti komponen BN iaitu UMNO dianggap sebagai parti yang tidak mewakili golongan muda, bersikap rasis, politik di takuk lama dan lebih kepada bersifat bangsawan. Hal ini sudah menunjukkan perbezaan ideologi golongan muda yang mahukan politik yang sihat tanpa memasukkan unsur-unsur perkauman dan politik yang bersifat lebih mesra generasi baru. Selain itu, mereka juga mahukan kestabilan ekonomi dari segi peluang pekerjaan, pendidikan, pembangunan di kawasan mereka ditingkatkan dan YB yang rajin turun padang untuk mengambil tahu kawasan yang diwakilinya dan memperbanyakkan program untuk golongan belia di kawasannya juga.

Rajah 7: Kerajaan perlu memperbanyakkan aktiviti/program/kemahiran belia




Sumber: Kajian Lapangan (2017)

Kerajaan perlu Meluaskan Peluang Pekerjaan dan Perniagaan kepada Golongan Belia

Hasil kajian yang terakhir mengenai peluang pekerjaan dan perniagaan yang perlu diwujudkan lebih banyak oleh kerajaan menunjukkan sebanyak 48 peratus responden memilih setuju dan 43.8 peratus responden lagi memilih sangat bersetuju (Lihat Rajah 8). Hal ini menunjukkan bahawa golongan belia yang selama ini dianggap sebagai golongan manja sebenarnya adalah golongan yang mampu berdikari tanpa mengharap untuk menjadi penjawat awam sahaja.

Rajah 8: Kerajaan perlu meluaskan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada belia



Sumber: Kajian Lapangan (2017)

Tambahan pula, golongan belia sekarang semakin kreatif dalam menjalankan perniagaan dan juga mereka bijak dalam mengambil peluang perniagaan yang ada. Selain itu, golongan belia terutamanya belia Melayu kini dilihat ingin bersaing dengan belia dari bangsa lain dalam perniagaan dan ini membuktikan yang golongan Melayu sebenarnya mampu berniaga. Namun begitu, peluang yang ada dilihat tidak begitu memberangsangkan memandangkan Malaysia juga sedang mengalami masalah ekonomi sejak perubahan kerajaan BN kepada PH dan ini juga turut merencatkan kehendak dan kemahuan golongan belia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya seperti sedia maklum, generasi belia merupakan golongan yang terbesar dalam masyarakat kita hari ini. Oleh itu adalah amat mustahil untuk meminggirkan pandangan dan pendapat mereka sama sekali memandangkan mereka ini adalah golongan pelapis yang bakal menentukan jatuh bangunnya politik sesebuah negara. Justeru, kekuatan politik dalam sesebuah negara terutamanya negara Malaysia sememangnya amat bergantung kepada partisipasi golongan belia memandangkan mereka ini bakal menentukan arah tuju dan masa depan negara. Penglibatan dan penyertaan golongan belia dalam pilihan raya amat diperlukan bagi memilih parti yang bakal pemerintah negara dan disebabkan itu golongan belia ini wajar membuat pertimbangan yang sebaik mungkin agar masa depan rakyat dan negara akan terpelihara. Implikasi daripada penulisan artikel ini adalah semua pihak terutamanya pihak berkuasa perlu mendengar dan mengambil kira pandangan dan kemahuan belia kerana belia adalah pelapis negara. Artikel ini juga akan menambahkan maklumat berkaitan belia untuk dimanfaatkan oleh semua pihak.

RUJUKAN

- Azizan Bahari. (1995). *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD)
- Azizan Bahari. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institusi Kajian Dasar (IKD).
- Azmil Tayeb. (2018). Pola Pengundian Golongan Muda Sukar Dijangka- Penganalisis Politik. *Astro Awani*. Dicapai di <http://www.astroawani.com/berita-politik/pola-pengundian-golongan-muda-sukar-dijangka-penganalisis-politik-174767>. 7 Mei.
- Case, W. (2017). Stress Testing Leadership in Malaysia: The IMDB Scandal and Najib Tun Razak. *The Pacific Review*. 30(5): 633-654.
- Fahmy, E. (2006). *Young Citizens: Young People's Involvement in Politics Decision Making*. Aldershot: Ashgate Publishing.
- Gan, P. S. & Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2015). Pengaruh Media Massa ke atas Penglibatan Politik Belia Cina. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 16(6): 163-189.
- Henn, M. & Hart, J. (2017). The Generation Election: Youth Electoral Mobilisation at the 2017 General Election. In Thorsen, T., Jackson, D. & Lilleker, D. *UK Election Analysis 2017: Media, Voters and the Campaign*, pp 25. Poole: The Centre for the Study of Journalism, Culture and Community.
- Hussain Mohamed. (1997). *Belia di Malaysia: Masalah, Gerakan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.

- Hutchinson, F. E. (2018). Malaysia's 14th General Elections: Drivers and Agents of Change. *Asian Affairs*, 49 (4), 582-605.
- Ibrahim Suffian. (2012). *PRU13: Anak Muda dan Media Baru*. Dicapai pada 20 Oktober 2016, daripada <https://merdekacenter.org.com>
- Luqman Arif Abdul Karim. (2019). Pengundi Cecah 22.7 Juta Menjelang 2023- PM. *Berita Harian*. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/585580/pengundi-cecah-227-juta-menjelang-2023-pm> pada 17 Julai 2019.
- Marshelayanti Mohamd Razali, Siti Noranizahhafizah Boyman & Nafisah Ilham Hussin. (2013). Penglibatan Politik Belia: Satu Analisis Penyertaan Konvensional di Malaysia. *Jurnal Perspektif*. 8(2): 70-78.
- Manning, P. K. & Truzzi, M. (1972). *Youth and Sociology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. (2019). Isu dan Masalah Bekalan Air Domestik pada PRU14. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*. 3(1): 47-62.
- Mohd Fuad Mat Jali & Juanidi Awang Besar. (2012). Pendapat dan Keperluan Generasi Muda di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*. 7(1): 50-63.
- Mohd Haziman Mahmood. (2017). Impak Penyertaan Pengundi Muda dalam PRU 2013 terhadap Politik Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*. 12(1): 1-18.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017). Kerelevanan Calon Muda Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. *The 2nd International Conference on Communication, Media, Information Technology, Environment, Tourism, Politics, Arts and Heritage*. Conference Proceeding.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017). TN50 Generasi Muda: Suara Kepimpinan Masa Hadapan. *The International Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues (ISICH 2017) Universiti Utara Malaysia*. (1) hlm 1-5.
- Mohd Rizal Safar. (2002). *Minat dan Partisipasi Politik Generasi Muda: Kajian Kes Kawasan Parlimen Arau, Perlis*. Tesis Sarjana, Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Norhafiza Mohd Hed. (2012). *Partisipasi Politik Pengundi Muda di Malaysia: Dari Reformasi ke Tsunami Politik*. Tesis Sarjana, Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norris, P. (2002). *Democratic Phoenix: Reinventing Political Activism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Norris, P. (2017). Why the Younger Generation of Corbynistas? In Thorsen, T., Jackson, D. & Lilleker, D. *UK Election Analysis 2017: Media, Voters and the Campaign*, hlm 22-23. Poole: The Centre for the Study of Journalism, Culture and Community.
- Ong. K. M. (2010). Pakatan Rakyat: What is Different this Time? *The Round Table*. Vol 99 (407) hlm 141-152.
- Osarsson, H. & Rosema, M. (2019). Consideration Set Models of Electoral Choice: Theory, Method and Application. *Electoral Studies*. 57: 256-262.

- Ribicoff, A. & Newman, J. O. (1973). *Politik Cara Amerika*. Terj. Taib Ahmad. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad.
- Sloam, J., Mohammad Raqib Ehsan & Henn, M. (2018). ‘Youthquake’: How and Why Young People Reshaped the Political Landscape in 2017. *Political Insight*. 4(1): 4-8.
- Vromen, A. (2007). Australian Young People’s Participatory Practices and Internet Use. *Information Communication and Society*. 10(1): 48-68.
- Yang, H. & DeHart, J. (2016). Social Media Use and Online Political Participation Among College Students During the US Election 2012. *Social Media and Society*. 2(1): 1-18.

MAKLUMAT PENULIS

JUNAIIDI AWANG BESAR

Pengarang koresponden
Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor
jab@ukm.edu.my

NUR ELLYANIS MOHD BASORI

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor
p97279@siswa.ukm.edu.my